BBMB SECURITIES SDN BHD

lwn.

TAN LAY HIONG & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
MOHD GHAZALI YUSOFF H
[GUAMAN NO: D1-22-4634-1998]
28 FEBRUAR1 2002

KEBANKRAPAN: *Prosedur dan amalan - Prosiding terhadap si bankrap - Perintah penerimaan - Permohonan untuk meneruskan perbicaraan tindakan terhadap si bankrap selepas perintah penerimaan dibuat - Sama ada tuntutan patut diselesaikan dalam kebankrapan - Sama ada perbicaraan harus diteruskan - Tuntutan melibatkan pembuktian dan isu undang-undang yang rumit - Imbangan keadilan - Sama ada berpihak kepada penerusan perbicaraan tindakan - Akta Kebankrapan 1967, ss. 2, 8(1), 10(2), 88*

KEBANKRAPAN: *Perintah penerimaan - Kesan - Sama ada harta si bankrap dikuasai Pegawai Pemegang Harta secara interim - Sama ada si bankrap bebas mengendalikan hartanya - Sama ada membekukan semua tuntutan pemiutang - Akta Kebankrapan 1967, s. 8(1)*

BIDANGKUASA: *Mahkamah Tinggi - Forum conveniens - Tuntutan dalam kontrak terhadap defendan di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur - Perintah penerimaan dibuat terhadap defendan di Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu - Permohonan untuk meneruskan perbicaraan di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur - Sama ada patut dibenarkan - Bidangkuasa untuk mendengar permohonan - Forum wajar - Sama ada di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur - Sama ada di Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu - Sama ada tuntutan patut diselesaikan dalam kebankrapan - Akta Kebankrapan 1967, ss. 2, 8(1), 10(2), 88 - Akta Mahkamah Kehakiman 1964, s. 3*

Ini adalah permohonan oleh plaintif di bawah s. 8(1) Akta Kebankrapan 1967 ('Akta') memohon kebenaran untuk meneruskan perbicaraan tuntutannya terhadap defendan ke-11, setelah perintah penerimaan dibuat terhadap defendan ke-11 tersebut. Faktanya ialah, pada 16 Disember 1988, plaintif telah memfail tuntutan terhadap defendan ke-11 di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur untuk jumlah RM143,485,266.87 ('guaman KL'). Jumlah tersebut adalah kerugian kontra yang dikatakan ditanggung defendan ke-11 ketika menjalankan urusniaga sebagai prinsipal melalui akaun-akaun penama-penamanya, yakni defendan-defendan pertama hingga ke-sembilan, yang melibatkan saham sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Pada 21 Disember 2000, ketika perbicaraan guaman KL sedang berjalan, seorang Ng Chong Kuong ('Ng') telah memfail tuntutan sebanyak RM450,000 terhadap defendan ke-11 di Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu ('guaman KK'). Ng adalah kenalan defendan ke-11 dan pengarah sebuah syarikat yang dikawal oleh defendan ke-11. Defendan ke-11 tidak memasukkan apa-apa kehadiran terhadap tuntutan guaman KK, dan kurang tiga minggu kemudian, pada 8 Januari 2001, Ng memperoleh penghakiman ingkar terhadap defendan ke-11. Seterusnya, pada 9 Februari 2001, Ng mengeluarkan petisyen pemiutang, dan 3 bulan kemudian, pada 22 Mei 2001, perintah penerimaan telah dibuat terhadap defendan ke-11 ('perintah penerimaan').

Fakta menunjukkan bahawa, sewaktu perintah penerimaan dibuat, perbicaraan guaman KL telah berjalan selama 44 hari dan plaintif sudah pun hampir kepada penutupan kesnya. Fakta juga menunjukkan bahawa, Ng, selepas memperoleh perintah penerimaan, tidak pula memohon perintah penghakiman, dan oleh sebab itu, tiada sebarang perintah penghakiman dibuat terhadap defendan ke-11.

Ekoran perintah penerimaan diatas, Pegawai Pemegang Harta ('PPH') menjadi penerima kepada harta defendan ke-11 sekaligus membekukan semua tindakan pemiutang terhadap defendan ke-11. Oleh yang demikian, bagi meneruskan guaman KLnya, plaintif memohon kepada mahkamah sekarang, iaitu mahkamah yang sedang mendengar guaman KL tersebut, untuk kebenaran meneruskan perbicaraan guaman berkenaan terhadap defendan ke-11.

Di hadapan yang arif hakim, plaintif berhujah bahawa permohonannya harus dibenarkan, mengambilkira: (i) sifat tuntutan yang rumit, dimana pembuktiannya melibatkan pertimbangan undang-undang prinsipal dan ejen, liabiliti sesama dan berasingan, penyingkapan tabir korporat, keterangan lisan saksi-saksi dan keterangan-keterangan dokumentari; (ii) imbangan kesesuaian, yang mana tuntutannya akan dikendalikan dengan lebih jimat, mudah dan cepat di dalam perbicaraan berbanding dengan penyelesaian melalui kebankrapan; dan (iii) keadilan kes, di mana defendan ke-11 tidak harus dibenarkan untuk mengguna perintah penerimaan bagi menggantung tuntutan sah pemiutang, sementelah pula perbicaraan guaman KL sudah berjalan dan terdapat kemungkinan bahawa pemerolehan perintah penerimaan memang sengaja diatur oleh defendan ke-11.

Isu penting yang timbul ialah: (i) sama ada bidangkuasa untuk mendengar permohonan terletak kepada Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur atau Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu; (ii) sama ada Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur merupakan forum wajar bagi mendengar permohonan; dan (iii) sama ada tuntutan plaintif harus diselesaikan melalui guaman KL atau melalui proses dan tatacara kebankrapan.

Diputuskan:

[1] Kebenaran harus diberikan kepada plaintif untuk meneruskan perbicaraan guaman KL terhadap defendan ke-11. (ms 25 a, 29 g & 31 c-d)

[2] Bantahan tatacara defendan ke-11 bahawa forum wajar yang sepatutnya mendengar kes adalah mahkamah yang mempunyai bidangkuasa dalam kebankrapan, iaitu Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, adalah tidak bermerit. Mengambilkira peruntukan: (i) s. 8(1) Akta; (ii) maksud "mahkamah" dalam s. 2 Akta; (iii) s. 88 Akta yang, sambil memperuntukkan Mahkamah Tinggi adalah mahkamah yang mempunyai bidangkuasa dalam kebankrapan, tidak pula mentakrif "Mahkamah Tinggi" sebagai mahkamah di mana petisyen kebankarapan difailkan atau Mahkamah Tinggi yang mempunyai bidangkuasa tempatan; serta (iv) s. 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964, mahkamah ini adalah forum yang tepat dan sesuai untuk mendengar permohonan untuk kebenaran di sini. (ms 25 a-h)

[2a] Berdasarkan peruntukan-peruntukan di atas, mahkamah yang mempunyai bidangkuasa dalam kebankrapan hendaklah ditafsirkan secara amnya sebagai "Mahkamah Tinggi" dan perkataan-perkataan tambahan tidak seharusnya diimpot untuk menyekat tujuannya supaya bererti Mahkamah Tinggi di mana petisyen kebankrapan difailkan atau Mahkamah Tinggi yang mempunyai bidangkuasa tempatan. (ms 25 i & 26 a)

[3] Kes *Hisham Sobri & Kadir (suing as a firm) v. Lim Chau Seng & Anor* menunjukkan bahawa mahkamah dalam mana tindakan itu sedang dibicarakan boleh mengendalikan permohonan untuk penggantungan di bawah s. 10(2) Akta. Oleh itu, adalah mustahil dan tidak tepat dan tidak wajar jika mahkamah yang sama itu dikatakan tidak mempunyai budi bicara atau kuasa untuk mengendalikan permohonan untuk kebenaran bagi meneruskan perbicaraan menurut s. 8(1) Akta. (ms 26 h & 27 a)

[4] Memang tidak disangkal bahawa hanya Mahkamah Tinggi di Kota Kinabalu mempunyai bidangkuasa ke atas prosiding kebankrapan di sini. Akan tetapi, prosiding yang dikendalikan oleh Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur ini adalah mengenai mendapatkan hutang akibat kerugian kontra dan tidak berkaitan dengan kebankrapan. Permohonan di sini adalah untuk meneruskan dengan perbicaraan tindakan sivil yang berlangsung di mahkamah ini dan bukan menjadi sebahagian prosiding kebankrapan guaman di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu. Oleh itu, tiada keperluan untuk membuat permohonan bagi kebenaran ini secara spesifik dalam prosiding kebankrapan berkenaan. Juga tidak timbul soal Mahkamah Tinggi di Kota Kinabalu mempunyai bidangkuasa dalam perkara ini. (ms 27 b-e & 28 c-e)

[5] Mahkamah ini juga adalah forum yang tepat untuk menyelesaikan permohonan ini oleh kerana mahkamah ini berpengetahuan tentang kesemua fakta-fakta kes ini dan oleh itu berada dalam kedudukan lebih baik untuk memutuskan samada kebenaran sepatutnya diberi atau pun tidak.(ms 28 a-b)

[6] Memberi kebenaran kepada plaintif bagi meneruskan tindakan ini terhadap defendan ke-11 bererti perbicaraan tindakan ini dapat diteruskan bersama-sama tuntutan terhadap defendan-defendan yang lain. Sebaliknya, jika tuntutan plaintif dibiarkan untuk dibuktikan dalam kebankrapan, bukti hutang plaintif akan ditaksirkan dan seterusnya diterima atau ditolak. Dalam mana-mana keadaan yang berlaku, adalah terbuka kepada defendan ke-11 atau plaintiff untuk merayu terhadap keputusan PPH kepada Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu. Dalam keadaan adanya rayuan, asas keseluruhan tuntutan plaintif perlu dibuktikan sekali lagi dari asalnya. Ini bermakna plaintif akan sekali lagi terpaksa mengulangi litigasi atas keseluruhan tuntutannya di peringkat rayuan. (ms 28 f-g)

[7] Mengambilkira sifat dan jumlah tuntutan plaintif, ianya bukanlah satu perkara yang mudah dibuktikan. Disamping keterangan-keterangan lisan, keterangan-keterangan dokumentari yang berjilid-jilid perlu dikemukakan dan dinilai. Masa yang diambil bagi menyoal balas saksi-saksi menunjukkan dengan jelas bahawa kes ini melibatkan isu-isu yang sukar diterangkan. Isu undang-undang yang timbul juga tidak mudah. Kesimpulannya, tuntutan plantif bukanlah suatu tuntutan terus terang dalam kontrak yang mudah dikendalikan dalam kebankrapan. Selain itu, memandangkan perbicaraan ini telah pun mengambil masa yang lama, dan bahawa plaintif akan diprejudis jika perbicaraan diberhentikan di pertengahan jalan, imbangan kesesuaian jelas berpihak kepada penerusan tuntutan plaintif dalam perbicaraan tindakan ini. (ms 29 a-c, e-g)

[8] Harus diperhatikan juga bahawa efek perintah penerimaan bukanlah untuk melucutkan defendan ke-11 dari mana-mana asetnya atau keupayaannya. Perintah penerimaan itu hanya membuat PPH menjadi penerima interim ke atas asetnya. Oleh yang demikian, defendan ke-11 bebas untuk mengendalikan semua perniagaan dan hal ehwalnya dan beliau hanya ditanggungjawab untuk menyerah keuntungan dan akaun-akaunnya kepada PPH. Ini bererti defendan ke-11 berada dalam kedudukan yang senang sebab tiada seorang di antara pemiutangnya boleh melaksanakan apa-apa tindakan terhadapnya tanpa kebenaran mahkamah. (ms 30 d)

[Permohonan dibenarkan.]

Kes-kes yang dirujuk:
Hisham, Sobri & Kadir (suing as a firm) v. Lim Chau Seng & Anor [1987] 2 MLJ 387 ***(foll)***

Perundangan yang dirujuk:
Bankruptcy Act 1967, ss. 2, 8(1), 10(2), 40(3), 88
Courts of Judicature Act 1964, s. 3
Rules of the High Court 1980, O. 13 r. 1

Bagi pihak plaintif/pemohon - N Pathmanathan (S Rajita); M/s Skrine
Bagi pihak defendan ke11/responden - F Bodipalar; T/n Sri Ram & Co

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Mohd Ghazali Yusoff H:
Pada 22 Mei 2001, satu perintah penerimaan (selepas ini dirujuk sebagai "perintah penerimaan itu") telah dibuat terhadap defendan ke-11 menurut satu petisyen pemiutang di Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu melalui Petisyen Kebankrapan No. 29-36-2001. Pada 12 Oktober 2001 plaintif dalam tindakan ini telah memfailkan permohonan ini (lampiran 128) menuruti s. 8(1) Akta Kebankrapan 1967 (selepas ini dirujuk sebagai "Akta itu") untuk perintah bahawa:

(i) kebenaran Mahkamah diberikan kepada plaintif untuk meneruskan perbicaraan tindakan ini terhadap defendan ke-11, yang mana kebenaran ini adalah perlu kerana perintah penerimaan itu telahpun dibuat terhadap defendan ke-11 akibat satu penghakiman yang diperolehi terhadapnya dalam Guaman Sivil No. K22-233-2000 (selepas ini dirujuk sebagai "guaman KK itu") dalam Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu;

(ii) kos permohonan ini hendaklah dijadikan kos mengikut kausa.

Seksyen 8(1) Akta itu berbunyi:

> On the making of a receiving order the Official Assignee shall be thereby constituted receiver of the property of the debtor, and thereafter, except as directed by this Act, no creditor to whom the debtor is indebted in respect of any debt provable in bankruptcy shall have any remedy against the property or person of the debtor in respect of the debt, or shall proceed with or commence any action or other legal proceeding in respect of such debt unless with the leave of the court and on such terms as the court may impose.

Alasan permohonan ini ialah perintah penerimaan itu telah dibuat terhadap defendan ke-11 dan oleh itu plaintif perlu mendapatkan kebenaran untuk meneruskan tindakan perbicaraan ini terhadap defendan ke-11. Asas untuk kebenaran tersebut adalah seperti berikut:

(a) sifat tuntutan plaintif;

(b) imbangan kesesuaian;

(c) keadilan kes.

Dalam menentang permohonan ini, defendan-11, antara lain, menimbulkan bantahan tatacara, iaitu, bahawa permohonan ini tidak seharusnya dipohon daripada mahkamah ini. Adalah menjadi pendirian defendan ke-11 bahawa menurut Akta itu, forum wajar yang sepatutnya mendengar permohonan ini ialah mahkamah yang mempunyai bidangkuasa dalam kebankrapan, iaitu, Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu. Dengan secara kebetulan, defendan ke-11 merupakan seorang peguambela dan peguamcara yang menjalani amalan di bawah nama dan gelaran "J. Ambrose & Partners" di Kota Kinabalu. Defendan ke-11 juga menimbulkan pertikaian seperti berikut:

(i) sebaik sahaja perintah penerimaan itu dibuat, Pegawai Pemegang Harta (selepas ini dirujuk sebagai "PPH") merupakan penerima keatas hartanya dan oleh itu, semua hartanya telah ditempatkan di bawah kawalan undang-undang dan hanya boleh ditadbirkan bersama oleh Mahkamah dan PPH;

(ii) PPH mengambil peranan sebagai seorang pemegang amanah dalam kebankrapan dan mempunyai kuasa penuh keatas semua harta dan asetnya; perintah penerimaan itu terutamanya adalah bagi faedah kesemua pemiutang-pemiutangnya dan dengan demikian melindungi estetnya dan menghalang peleraian asetnya;

(iii) perintah penerimaan itu memang membawa efek membekukan kesemua tindakan pemiutang-pemiutang terhadapnya; ini telah menyebabkan permohonan plaintif ini tetapi Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur bukanlah forum yang wajar mendengar permohonan ini;

(iv) ia telah dinasihatkan oleh PPH bahawa melainkan pemiutang-pemiutangnya dapat diyakinkan menerima sama ada satu skim penyusunan atau satu komposisi di bawah mana pemiutang-pemiutangnya boleh dipujuk untuk menerima cadangannya bagi membayar balik kesemua hutang yang kena dibayar, satu perintah penghukuman akan dibuat terhadapnya; pemiutang-pemiutangnya hanya dapat menimbangkan skim penyusunan atau komposisi selepas mesyuarat pemiutang pertama dipanggil oleh PPH.

Saya telah membenarkan permohonan plaintiff ini dan terhadap keputusan itu defendan ke-11 telah merayu ke Mahkamah Rayuan. Latar belakang kepada permohonan ini, seperti telah diturunkan melalui afidavit satu Lim Ah Lay yang merupakan pengurus operasi pihak plaintif (selepas ini dirujuk sebagai "deponen itu"), adalah seperti berikut:

(1) Tuntutan plaintif terhadap defendan ke-11 adalah untuk jumlah RM143,485,266-87 dan faedah bagi kerugian kontra yang ditanggung akibat beliau menjalankan urusniaga sebagai prinsipal melalui akaun-akaun penama-penamanya, iaitu, defendan pertama ke defendan kesembilan, yang melibatkan saham sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur ("BSKL") yang bernama The North Borneo Coporation Berhad, yang dahulunya dikenali sebagai The North Borneo Timbers Berhad (selepas ini dirujuk sebagai "NBT").

(2) Tuntutan plaintif telah difailkan pada 16 Disember 1998 dan perbicaraan guaman ini bermula pada 8 Mei 2000 dan berterusan sepanjang tahun 2000 dan lima bulan pertama tahun 2001 berjumlah 44 hari. Lima orang saksi telah memberi keterangan dan saksi ke-5 (SP5) masih diperingkat periksa balas.

(3) Melalui surat bertarikh 14 September 2001, peguamcara pihak plaintif telah dimaklumkan oleh peguamcara pihak defendan ke-11 bahawa perintah penerimaan itu telah dibuat terhadap defendan ke-11. Akan tetapi, tiada perintah penghukuman dibuat terhadap defendan ke-11. Perintah penerimaan itu yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu berbunyi seperti berikut:

RE: JOSEPH LEE YOKE MIN @ AMBROSE
(NRIC No. 580323-12-5005)

EX-PARTE: NG CHONG KUONG
– the Judgment Creditor

RECEIVING ORDER ON CREDITOR'S PETITION

On the petition ... and it appearing to the Court that the following act of bankruptcy has been committed *viz*:

The debtor JOSEPH LEE YOK MIN @ AMBROSE (NRIC No. 590323-12-5005) has failed to comply with the requirements of a Bankruptcy Notice dated the 15th day of January 2001 served on him on the 20th day of January 2001.

A Receiving Order is hereby made against JOSEPH LEE YOK MIN @ AMBROSE (NRIC No. 590323-12-5005) of No. 27 LABUAN HOUSE, Jalan Kolam, Luyang 88300 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia and the Official Assignee is hereby constituted receiver of the estate of the said debtor.

Dated this 22nd day of May 2001.

By the Court,

(Sign.)

SENIOR ASSISTANT REGISTRAR.

(4) Deponen itu sesungguhnya percaya kesan perintah penerimaan itu adalah bahawa PPH kini merupakan penerima harta defendan ke-11. Akan tetapi, tanpa perintah penghukuman, estet defendan ke-11 tidak akan terletak hak kepada PPH tetapi masih merupakan harta defendan ke-11. Perintah penerimaan itu mempunyai kesan untuk membekukan kesemua tindakan pemiutang-pemiutang terhadap defendan ke-11.

(5) Mengikut Akta itu, deponen itu sesungguhnya percaya pihak plaintif perlu mendapatkan kebenaran Mahkamah untuk meneruskan tindakan terhadap defendan ke-11 mengenai hutang yang masih belum dijelaskan di dalam tindakan ini.

(6) Deponen itu sesungguhnya percaya plaintif sepatutnya diberikan kebenaran untuk meneruskan tindakan ini terhadap defendan ke-11 kerana:

(a) sifat tuntutan plaintif;

(b) imbangan kesesuaian; dan

(c) keadilan kes ini.

(a) Sifat Tuntutan Plaintif

Mengenai isu ini, deponen itu mendesak plaintif mempunyai satu tuntutan yang sah terhadap defendan ke-11 berdasarkan kerugian kontra yang ditanggung akibat urusniaga yang dijalankan di BSKL, iaitu pembelian dan penjualan saham-saham NBT secara besaran. Jumlah tuntutan plaintif terhadap defendan ke-11 terdiri daripada suatu hutang yang besar yang berjumlah RM143,485,266.87 bersama dengan faedah pada kadar 14% setahun daripada 6 November 1998 sehingga tarikh penyelesaian penuh. Tuntutan plaintif terhadap defendan ke-11 adalah sebagai prinsipal dan/atau pembeli atau benefisiari terakhir saham-saham yang dibeli di dalam akaun-akaun penama-penama itu di mana defendan ke-11 bertanggungjawab untuk kerugian kontra yang ditanggung akibat daripada kegagalannya untuk membuat bayaran bagi saham-saham yang dibeli olehnya atas arahannya. Berdasarkan keterangan lisan dan juga keterangan dokumentari dan cara perlakuan selanjutnya pihak plaintif dengan defendan ke-11, deponen itu sesungguhnya percaya pemegang-pemegang akaun-akaun penama-penama itu:

(i) memberi kuasa kepada defendan ke-11 untuk melaksanakan urusniaga di dalam akaun-akaun mereka dan/atau bersetuju defendan ke-11 memberi arahan untuk melaksanakan urusniaga di dalam akaun-akaun mereka;

(ii) memberi kepada defendan ke-11 kawalan ke atas akaun-akaun mereka dan/atau bersetuju defendan ke-11 mempunyai kawalan ke atas akaun-akaun mereka;

(iii) merupakan penama kepada defendan ke-11 dan dengan itu membenarkan defendan ke-11 untuk memberi arahan dan mempunyai kawalan yang penuh ke atas akaun-akaun mereka.

Tuntutan plaintif dengan itu membabitkan plaintif mengemukakan apa yang dinyatakan di atas kerana kedua-duanya penama-penama itu, iaitu, defendan pertama hingga ke-9 dan juga defendan ke-11 telahpun menafikan secara keseluruhannya perkara-perkara yang dinyatakan di atas. Untuk membuktikan kesnya, plaintif telahpun, antara lain, mengemukakan keterangan berikut:

(a) keterangan lisan saksi-saksi khususnya wakil peniaga (SP1) yang memberi keterangan terperinci mengenai:

(i) pembukaan akaun-akaun penama-penama itu dan penglibatan defendan ke-11 dalamnya;

(ii) pembekalan kolateral oleh defendan ke-11 untuk kesemua akaun-akaun penama-penama itu;

(iii) cara perlaksanaan urusniaga melalui dan/atau atas arahan defendan ke-11;

(iv) penerimaan urusniaga tersebut oleh defendan ke-11 dan pemegang-pemegang akaun-akaun penama itu melalui pelbagai dokumen;

(v) pemerolehan kemudahan-kemudahan tambahan yang mengakibatkan kerugian yang besar pada atau sekitar 23 Disember 1997;

(vi) percubaan-percubaan selanjutnya oleh defendan ke-11 untuk menyelesaikan hutang yang belum dijelaskan;

(vii) akhirnya, penafian liabiliti oleh defendan ke-11 dan percubaannya untuk memintasi hutang itu;

(viii) penggunaan syarikat-syarikat penama oleh defendan ke-11 untuk meletakkan aset-asetnya, yang mana ia telah pun mempunyai dan masih mempunyai kawalan keatasnya dan dengan itu mengelakkan dan menghindari tuntutan-tuntutan sah pemiutang-pemiutang seperti plaintif;

(ix) percubaan defendan ke-11 untuk menghalang SP1 daripada memberi keterangan berkenaan perkara di atas; ataupun untuk mengganggu SP1 supaya tidak memberi keterangan diatas berkenaan penglibatan defendan ke-11 dalam guaman ini;

(b) keterangan dokumentari sehingga kini yang terdiri daripada 259 ekshibit-ekshibit termasuk juga keterangan pita rakaman berkenaan:

(i) percubaan-percubaan defendan ke-11 melalui ejennya untuk mengganggu atau mengugut SP1 supaya tidak memberi keterangan dan menawarkan dorongan kepada SP1 supaya tidak memberi keterangan atau mengubah keterangannya semasa perbicaraan;

(ii) penerimaan hutang tersebut oleh defendan ke-11 dan usahanya untuk menyelesaikan hutangnya.

Melalui pembelaannya dan di dalam afidavitnya, defendan ke-11 telahpun menafikan penglibatannya di dalam urusniaga yang mengakibatkan kerugian kontra itu. Ia telahpun menggambarkan peranannya sebagai terhad kepada peguamcara untuk beberapa akaun-akaun penama-penama dan suatu penafian mutlaknya bagi akaun-akaun yang lain. Atas sebab penafian ini, adalah perlu bagi plaintif membuktikan tuntutannya *ab initio*. Oleh kerana defendan ke-11 telahpun menjauhkan dirinya daripada sebarang dokumentasi secara langsung yang menghubungkannya dengan akaun-akaun penama ataupun urusniaga tersebut, deponen itu dengan sesungguhnya percaya bahawa isu terakhir berkenaan liabiliti hanya dapat ditentukan melalui satu analisa keterangan yang diberi oleh saksi-saksi plaintif dan juga defendan-defendan khususnya defendan ke-11 dan juga pertimbangan keterangan dokumentari.

Mengenai isu undang-undang, deponen itu sesungguhnya percaya ini bergantung kepada pertimbangan undang-undang berkenaan prinsipal dan ejen, liabiliti sesama dan berasingan, "lifting of corporate veils", antara lainnya. Sekiranya kebenaran untuk meneruskan tindakan ini terhadap defendan ke-11 tidak diberikan, ini akan merumitkan pertimbangan secara berasingan tentang liabiliti penama-penama itu. Oleh kerana terbabitnya isu-isu fakta dan undang-undang yang rumit dalam penentuan tuntutan plaintif, deponen itu sesungguhnya percaya terdapat isu-isu yang serius yang memerlukan penentuan antara pihak-pihak. Deponen itu menegaskan tuntutan ini bukan merupakan sebarang tuntutan yang boleh diputuskan melalui kebankrapan seperti suatu hutang kontrak yang mudah. Ada kemungkinan juga dalam membuktikan tuntutan plaintif melalui proses kebankrapan adalah lebih susah dan lebih mahal daripada meneruskan perbicaraan tindakan ini.

(b) Imbangan Kesesuaian

Deponen itu sesungguhnya percaya bahawa imbangan kesesuaian bersandar kepada penerusan tuntutan plaintif di perbicaraan tindakan ini daripada pemutusan tuntutan ini melalui kebankrapan atas alasan-alasan berikut:

(i) tuntutan plaintif akan dikendalikan dengan lebih mudah dan wajar di dalam perbicaraan tindakan ini daripada kebankrapan; sebahagian besar daripada keterangan yang mengesahkan tuntutan plaintif telahpun dikemukakan dan oleh itu ia akan menjadi lebih mudah dan cepat untuk plaintif, setelah menghabiskan masa yang lama, tenaga dan kos di dalam perbicaraan tindakan ini untuk melihat penamatannya daripada membuktikan tuntutan sekali lagi di dalam kebankrapan;

(ii) begitu juga, ia akan menjadi lebih mudah dan cepat untuk defendan ke-11 mempertikaikan tuntutan plaintif di dalam perbicaraan tindakan ini daripada mempertikaikannya sekali lagi di dalam kebankrapan;

(iii) ini bukanlah suatu hutang kontrak yang mudah yang boleh ditentukan dengan mentafsirkan dan meneliti dokumen-dokumen; memandangkan keperluan bagi jenis keterangan yang diperlukan untuk membuktikan tuntutan terhadap defendan ke-11, dan sebahagian besar keterangan tersebut telahpun dikemukakan di dalam perbicaraan ini, ia adalah adil, wajar dan sesuai untuk tuntutan ini ditentukan melalui perbicaraan tindakan ini;

(iv) mengenai pemfailan bukti hutang ("proof of debt") dengan pihak PPH, plaintif menghadapi risiko bahawa ianya tidak akan diterima olehnya;

(v) perbicaraan tindakan ini telahpun berjalan selama 44 hari dan plaintif kini hampir menutup kesnya; deponen itu dinasihatkan dan sesungguhnya percaya bahawa plaintif telahpun membuktikan kes *prima facie* terhadap defendan ke-11 dan hanya pembelaan defendan-defendan yang perlu disempurnakan;

(vi) pada peringkat ini dalam perbicaraan tindakan ini, adalah lebih adil dan wajar untuk perbicaraan diteruskan kepada penamatannya daripada seluruh prosiding ini diberhentikan hanya kerana suatu perintah penerimaan telah dibuat terhadap defendan ke-11 dan itu juga tanpa suatu perintah penghukuman.

(c) Keadilan Kes Ini

Deponen itu sesungguhnya percaya bahawa keadilan kes ini mewajarkan pemberian kebenaran supaya plaintif dapat meneruskan perbicaraan tindakan ini terhadap defendan ke-11 mendasarkan alasan-alasan berikut:

(i) saiz tuntutan plaintif dan cara di mana plaintif menegaskan bahawa defendan ke-11 menanggung kerugian kontra dan kini cuba mengelakkan atau menghindarinya mewajarkan pemberian kebenaran untuk menghabiskan perbicaraan tindakan ini;

(ii) sebagai akibat permulaan tindakan ini dan berikutnya keterangan SP1 mengenai modus operandi urusniaga yang mengakibatkan kerugian kontra itu, percubaan telahpun dibuat untuk mengganggu SP1, antara lain, dengan memfailkan laporan polis yang palsu terhadapnya berkenaan pecah amanah; sekiranya kebenaran untuk meneruskan tindakan ini terhadap defendan ke-11 tidak dibenarkan, isu-isu ini tidak akan ditentukan di dalam konteks tindakan ini dan kemungkinannya akan menjejaskan tuntutan plaintif terhadap defendan ke-11 dalam kebankrapan; ia adalah dalam kepentingan plaintif, defendan ke-11 dan defendan-defendan lain supaya isu-isu ini ditentukan dan/atau diputuskan dalam guaman ini;

(iii) defendan ke-11 tidak seharusnya dibenarkan untuk menggunakan perintah penerimaan ini untuk mengelakkan atau menggantung tuntutan sah dan prosiding pemiutang-pemiutang bagi manfaatnya.

Deponen itu sesungguhnya percaya bahawa sifat dan masa perintah penerimaan itu berkemungkinan diaturkan untuk, antara lain, menggangu proses perbicaraan tindakan ini. Apa yang ketara ialah hanya perintah penerimaan sahaja yang telah dibuat terhadap defendan ke-11 berdasarkan penghakiman ingkar yang diperolehi dalam guaman KK itu. Mengenai guaman KK itu, deponen itu mengutamakan faktor-faktor berikut:

(i) kepantasan seluruh proses dari permulaan tindakan tersebut sehingga pemberian perintah penerimaan itu;

(ii) kekurangan pertikaian ataupun bantahan kepada sebarang prosiding;

(iii) hubungan rapat di antara pemiutang penghakiman dan defendan ke-11;

(iv) saiz kecil hutang tersebut yang berjumlah RM450,000 yang mengakibatkan pemberian perintah penerimaan itu mencadangkan bahawa defendan ke-11 mungkin telah memikirkan ataupun bekerjasama dalam pemerolehan perintah penerimaan itu yang mempunyai kesan untuk menggantung ataupun menghindari semua prosiding undang-undang terhadapnya; akan tetapi, tanpa suatu perintah penghukuman, aset-aset defendan ke-11 tidak akan terletak hak dengan PPH; oleh itu defendan ke-11 masih mempunyai pemilikan ke atas aset-asetnya, sementara perintah penerimaan itu menghalang mana-mana pemiutang daripada mengendalikan aset-aset defendan ke-11.

Dalam afidavitnya, deponen itu mengepilkan salinan kertas-kertas kausa guaman KK itu hingga ke peringkat pemberian perintah penerimaan itu. Tajuk writ dalam guaman KK itu menunjuk plaintif adalah satu Ng Chong Kuong (selepas ini dirujuk sebagai "Ng") dan defendan ke-11 adalah defendan. Pernyataan tuntutan, antara lain, berbunyi:

> 1. The defendant agreed with the plaintiff to purchase from the plaintiff 50,000 shares of RM1-00 each in Destam Sdn Bhd at the price of RM500,000-00 (hereinfter called "the purchase price").
>
> 2. The defendant has only paid a sum of RM50,000-00 as part payment towards the purchase price.
>
> **PARTICULARS**
>
> | | |
> |---|---|
> | Purchase Price of the 50,000 shares | RM500,000-00 |
> | Less: part payment | RM 50,000-00 |
> | Outstanding Balance | RM450,000-00 |
>
> 4. Despite repeated demands the Defendant has failed, refused and neglected to settle the outstanding balance of RM450,000-00 or any part thereof.

And the Plaintiff claims:

(a) a sum of RM450,000-00;

(b) statutory interest thereon at the rate of 8% per annum from the date of Judgment to the date of full payment;

(c) costs; and

(d) such further or other relief as this Honourable Court may deem fit to grant.

Dated this 21st day of December 2000.

Writ saman dalam guaman KK itu, yang telah difailkan pada tarikh ia diterbitkan, iaitu, 21 Disember 2000 telah segera diserahkan ke atas defendan ke-11 pada tarikh yang sama. Pada 8 Januari 2001, Ng telah memperolehi penghakiman ingkar mendasarkan tiada kehadiran dimasuk oleh defendan ke-11 menuruti A. 13 k. 1, Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Ng kemudiannya menerbitkan petisyen pemiutang bertarikh 9 Februari 2001 dan memohon supaya satu perintah penerimaan dibuat ke atas estet defendan ke-11 bagi hutang penghakiman tersebut mendasarkan defendan ke-11 selaku penghutang penghakiman, dalam tempoh masa enam (6) bulan sebelum tarikh petisyen, telah melakukan perbuatan kebankrapan, iaitu:

That the judgment debtor failed before 29 January 2001 to comply with the requirements of a Bankruptcy Notice duly served on him on 20 January 2001.

Perintah penerimaan itu telah dibuat terhadap defendan ke-11 pada 22 Mei 2001 setelah perakuan segera difailkan pada 15 Mei 2001. Deponen itu menarik perhatian bahawa keseluruhan proses daripada tarikh guaman KK itu difailkan sehingga pemberian perintah penerimaan itu mengambil masa lima bulan sahaja. Deponen itu kemudian menjelaskan seperti berikut:

(i) kertas kausa dalam guaman KK itu menunjukkan tuntutan Ng terhadap defendan ke-11 adalah dalam lingkungan RM450,000 yang kononnya belum dijelaskan oleh defendan ke-11 bagi baki pembelian 50,000 saham sebuah syarikat bernama Destam Sdn Bhd (selepas ini dirujuk sebagai "Destam") yang kononnya dijual dan dipindah oleh Ng kepada defendan ke-11 pada 26 Oktober 1993;

(ii) satu carian yang dibuat di Pejabat Pendaftar Syarikat ke atas Destam bagi tahun 1992 menunjukkan dalam tahun itu, Ng memegang 50,000 saham dan di samping itu merupakan pengarah Destam; jumlah saham yang diterbit oleh Destam adalah 100,000 saham sahaja dan baki 50,000 saham itu telah dan masih dipegang oleh satu Michael Moo Kai Wah (selepas ini dirujuk sebagai "Michael Moo");

(iii) satu carian selanjutnya di Pejabat Pendaftar Syarikat ke atas Destam bagi tahun 1993 menunjukkan dalam tahun itu, Ng tidak lagi menjadi pemegang saham dan pengarah mulai 26 Oktober 1993 dan bahawa satu Pius Lee Fu Min, yang merupakan abang defendan ke-11, telahpun menjadi pemegang yang baru 50,000 saham dalam Destam dan yang baki 50,000 saham itu masih dipegang oleh Michael Moo;

(iv) Michael Moo pada semua masa yang material merupakan seorang pekerja dengan defendan ke-11 seperti yang ditunjukkan melalui keterangan SP1 dan juga pita rakaman yang dikemukakan semasa perbicaraan tindakan ini; defendan ke-11 telahpun mengakui bahawa Michael Moo adalah pekerja sebuah syarikat yang bernama Suniwang Holdings Sdn Bhd ("Suniwang"); Suniwang, antara tahun 1996 hingga 1998, merupakan "alter ego" defendan ke-11 dan berada di bawah kawalan defendan ke-11;

(v) selain daripada dokumen-dokumen di atas yang diperolehi dari carian di Pejabat Pendaftar Syarikat, tidak ada apa-apa dokumen lain yang menunjukkan wujudnya suatu penjualan dan pindahan saham dari Ng kepada defendan ke-11.

Fakta-fakta berikut, menurut deponen itu, juga menunjukkan suatu hubungan jelas wujud di antara Ng dan defendan ke-11 yang mencadangkan bahawa urusniaga "penjualan saham" tersebut diantara Ng dan defendan ke-11 mungkin tidak sepanjang lengan tangan, iaitu:

(i) Ng masih dan telah dari tahun 1991 merupakan pengarah sebuah syarikat bernama FUIC Sdn Bhd (selepas ini dirujuk sebagai "FUIC");

(ii) FUIC merupakan sebuah anak syarikat Suniwang dan 99.9% saham FUIC yang diterbitkan dimiliki oleh Suniwang; Suniwang adalah "alter ego" defendan ke-11 dari tahun 1996 sehingga 1998 dan dikawal olehnya dari tahun 1991;

(iii) defendan ke-11 secara efektifnya mengawal FUIC dan mungkin masih mengawal FUIC melalui Suniwang;

(iv) Ng, yang masih merupakan pengarah FUIC sejak tahun 1991, iaitu, sebuah syarikat yang masih dan telahpun selama ini di bawah kawalan defendan ke-11 melalui Suniwang, adalah dengan itu mempunyai hubungan rapat dengan defendan ke-11.

Deponen itu kemudian bertikai berdasarkan fakta dan *modus operandi* am defendan ke-11, yang mana telah ditunjukkan semasa perbicaraan tindakan ini, untuk berdagang melalui penama-penama dan memegang aset-asetnya melalui syarikat-syarikat penama yang berada di dalam kawalan penuhnya, adalah besar kemungkinan bahawa guaman KK itu dan perintah penerimaan itu telah diatur atas arahan defendan ke-11 dengan matlamat untuk menggantungkan ataupun menghindari pemiutang-pemiutang sah, termasuk plaintif.

Deponen itu berkata ia sesungguhnya percaya bahawa berdasarkan semua perkara-perkara yang dibentangkan di atas, plaintif akan menanggung prejudis sekiranya kebenaran untuk meneruskan tindakan ini terhadap defendan ke-11 tidak diberikan meskipun hanya perintah penerimaan sahaja yang diberikan pada 22 Mei 2001. Plaintif mungkin akan menghadapi kesusahan dalam membuktikan tuntutan ini terhadap defendan ke-11 dalam kebankrapan atas alasan-alasan yang terkandung di atas. Berdasarkan semua perkara di atas, plaintif menegaskan pihaknya telahpun menunjukkan keadaan khas yang memberi justifikasi bagi pemberian kebenaran untuk meneruskan perbicaraan tindakan ini terhadap defendan ke-11.

Dalam afidavitnya bagi menentang permohonan ini, defendan ke-11 mendesak permohonan plaintif ini telah tidak dibawa ke mahkamah yang sepatutnya. Ia bertikai menurut Akta itu, forum yang sesuai untuk mendengar permohonan ini adalah mahkamah yang mempunyai bidangkuasa dalam kebankrapan, iaitu, Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu. Ia sesungguhnya percaya setelah perintah penerimaan itu dibuat, PPH adalah dengan itu merupakan penerima ke atas hartanya. Oleh itu, semua hartanya telah ditempatkan di bawah kawalan undang-undang dan hartanya hanya boleh ditadbirkan bersama oleh mahkamah dan PPH. PPH mengambil peranan sebagai seorang pemegang amanah dalam kebankrapan dan mempunyai kuasa penuh keatas semua harta dan asetnya. Oleh itu perintah penerimaan itu terutamanya adalah bagi faedah semua pemiutang-pemiutangnya oleh kerana ianya melindungi estetnya dan menghalang penyusutan asetnya.

Defendan ke-11 berikutnya mendesak perintah penerimaan itu mempunyai kuasa untuk "membekukan" segala tindakan pemiutang-pemiutang terhadapnya. Ia dinasihatkan selanjutnya oleh PPH bahawa kecuali pemiutang-pemiutangnya dapat diyakinkan untuk menerima sama ada suatu skim penyusunan atau suatu komposisi dimana pemiutang-pemiutangnya dapat dipujuk untuk menerima cadangannya untuk membayar balik semua hutang yang kena dibayar, suatu perintah penghakiman akan dibuat terhadapnya. Pemiutang-pemiutangnya hanya boleh menimbangkan skim penyusunan atau komposisi itu selepas mesyuarat pemiutang pertama yang akan dipanggil oleh PPH.

(a) Sifat Tuntutan Plaintif

Mengenai isu ini, defendan ke-11 menyata tuntutan plaintif terhadapnya adalah bagi jumlah sebanyak RM143,485,266.87 dan faedah. Tuntutan plaintif adalah bagi kerugian kontra yang dialami, kononnya, akibat urusniaga yang telah dikendalikan olehnya sebagai prinsipal melalui akaun-akaun penama-penama itu, iaitu, defendan pertama hingga ke-9. Tuntutan plaintif adalah dengan jelas satu-satunya yang boleh dibuktikan dalam kebankrapan dan sebaik-baiknya tertakluk di dalam peruntukkan s. 40(3) Akta itu. Subseksyen itu berbunyi:

> Save as provided in subsections (1) and (2) all debts and liabilities present or future, certain or contingent, to which the debtor is subject at the date of the receiving order, or to which he may become subject before his discharge by reason of any obligation incurred before the date of the receiving order shall be deemed to be debts provable in bankruptcy.

Oleh itu, prosedur yang sesuai yang harus digunakan oleh plaintif adalah untuk membuktikan hutang mereka dalam kebankrapan. Plaintif telah dengan tepat menyerahkan suatu borang bukti hutang yang terperinci pada 17 Oktober 2001 untuk pertimbangan PPH. Walau bagaimanapun, tanpa menunggu jawapan dari PPH, plaintif telah pada 17 Oktober 2001 memfailkan permohonan ini. Oleh kerana plaintif telah memilih untuk memfailkan satu borang bukti hutang, permohonan ini sepatutnya dibatalkan dan prosedur yang sesuai yang mana plaintif harus menggunakan adalah untuk meneruskan membuktikan hutang yang dikatakan itu dalam kebankrapan. Kuantum tuntutan plaintif adalah tidak relevan keseluruhannya kepada permohonan ini. PPH lebih berupaya bagi mengambil kira kuantum tuntutan plaintif apabila mempertimbangkan borang bukti hutang itu. Semua keterangan dokumentari dan lisan yang telah dikemukakan di perbicaraan tindakan ini sehingga kini telah direkodkan dan telah disediakan bagi semua pihak dalam bentuk nota-nota prosiding. Ini akan membolehkan PPH mempunyai persefahaman yang jelas mengenai tuntutan plaintif untuk menimbangkan merit tuntutan secara terperinci dan keterangan yang perlu akan berada dihadapannya. Tambahan pula, oleh kerana Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu mempunyai bidangkuasa pengawasan terhadap pengendalian PPH, maka plaintif boleh merayu terhadap apa-apa keputusan oleh PPH yang dengan mana mereka tidak berpuas hati.

Oleh kerana plaintif berada di bahagian hujung penamatan kesnya, maka persoalan mengenai pembuktian dan penghakiman mengenai liabiliti penama-penama itu dalam *vacuo* merupakan perkara ketiadaan isu. Sama ada plaintif telah berjaya dalam membuktikan kes mereka terhadap penama-penama itu, atau tidak, akibatnya boleh diteka pada peringkat prosiding ini. Oleh itu, defendan ke-11 menegaskan bahawa walaupun permohonan ini dibatalkan, ianya tidak akan menghalang plaintif daripada menghakimi tuntutan mereka terhadap penama-penama itu. Perbicaraan boleh diteruskan terhadap defendan pertama hingga ke-9 walaupun kebenaran tidak diberikan kepada plaintif untuk meneruskan tindakan terhadapnya. Sama ada tuntutan itu cuma satu kontrak hutang yang mudah atau satu tuntutan yang melibatkan isu-isu yang rumit dari segi fakta adalah tidak penting. Jika suatu tuntutan tertentu adalah suatu tuntutan yang boleh dibuktikan dalam kebankrapan, maka tindakan sesuai yang kena diambil oleh plaintif adalah untuk mengemukakan borang bukti hutang. Sudah tentunya PPH berupaya untuk menimbangkan keterangan dan meneliti dokumen-dokumen apabila memutuskan sama ada atau tidak untuk menerima atau menolak borang bukti hutang itu.

(b) Imbangan Kesesuaian

Imbangan kesesuaian adalah berpihak kepada tuntutan plaintif yang kena dibuktikan dalam kebankrapan bagi alasan-alasan berikut:

(i) ianya akan mengurangkan kos dan masa yang digunakan secara substantial oleh semua pihak berkenaan oleh kerana bagi membuktikan suatu hutang di dalam kebankrapan hanya melibatkan keterangan afidavit;

(ii) meskipun ianya telah diakui bahawa ini bukanlah suatu tuntutan yang melibatkan suatu kontrak hutang yang mudah, ini bukan bermaksud bahawa tuntutan plaintif itu tidak boleh dibuktikan dalam kebankrapan; sudah tentunya PPH berupaya untuk meneliti nota prosiding dan dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh plaintif di perbicaraan tindakan ini sebelum memutuskan sama ada atau tidak untuk menerima atau menolak borang bukti hutang plaintif;

(iii) seandainya PPH menolak borang bukti hutang plaintif, namun begitu ianya masih terbuka kepada plaintif untuk membuat rayuan terhadap keputusan PPH itu.

Berdasarkan alasan-alasan di atas, defendan ke-11 percaya bahawa ianya akan menguntungkan bagi semua pihak berkenaan supaya plaintif dapat membuktikan hutangnya dalam kebankrapan yang agak baik daripada meneruskan dengan perbicaraan tindakan ini.

(c) Keadilan Kes Ini

Keadilan kes ini dapat dicapai paling baik sekiranya plaintif dapat membuktikan hutangnya dalam kebankrapan daripada meneruskan perbicaraan tindakan ini terhadap defendan ke-11. Mengenai perhubungan di antara Ng dan beliau, defendan ke-11 menghendaki plaintif memberi bukti yang kukuh bahawa pembuatan perintah penerimaan itu telah diaturkan di atas permintaannya untuk menggantung atau menghindari atau mengelakkan cengkaman pemiutang-pemiutangnya termasuk plaintif. Pengataan yang tidak berasas itu sama sekali tanpa logik oleh kerana semua pemiutang-pemiutang sah defendan ke-11 sekarang berada dalam kedudukan yang lebih baik. Ianya terpulang kepada pemiutang-pemiutangnya yang mempunyai tuntutan hutang yang sah dengan suatu skim penyusunan atau suatu komposisi yang boleh dijalankan yang mana akan membekalkan mereka dengan suatu cara penyelesaian yang munasabah. Ini dengan jelasnya akan menjimatkan masa dan kos bagi semua pihak yang berkenaan. Plaintif tidak akan mengalami apa-apa kemudaratan sekiranya mereka meneruskan dan membuktikan hutang mereka dalam kebankrapan. Walaupun mereka mengambil risiko dimana tuntutan mereka akan ditolak, keputusan PPH bukanlah konklusif dan terbuka untuk diteliti semula oleh Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu. Oleh itu defendan ke-11 pohon supaya permohonan ini dibatalkan dengan kos.

Dalam afidavit jawapannya, pihak plaintif mendesak Mahkamah ini merupakan forum yang sesuai untuk mendengar permohonan ini. Plaintif bertikai walaupun adalah kedudukan dari segi undang-undang bahawa pemberian perintah penerimaan lanjutan kepada petisyen oleh pemiutang yang sah akan secara biasanya memberi faedah kepada semua pemiutang-pemiutang defendan ke-11, yang mana estetnya akan dilindungi untuk kepentingan mereka, fakta-fakta yang berikut mencadangkan sebaliknya atas fakta-fakta dan keadaan kes ini, iaitu:

(a) tiada perintah penghukuman telah dipohon oleh Ng dalam petisyen pemiutangnya terhadap defendan ke-11;

(b) seterusnya, tiada perintah penghukuman telah diberikan pada masa perintah penerimaan dibuat terhadap defendan ke-11 dalam kehadirannya; di samping itu, seperti digambarkan melalui carian yang dilaksanakan di atas petisyen kebankrapan berkenaan, iaitu No. K29-36-2001, defendan ke-11 juga tidak memuaskan Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu bahawa beliau berada dalam kedudukan untuk menawarkan komposisi atau skim penyusunan yang memuaskan kepada pemiutang-pemiutangnya;

(c) walaupun perintah penerimaan telah dibuat pada 22 Mei 2001, mendasarkan rekod peguamcara plaintif setakat 9 Oktober 2001, defendan ke-11 masih belum memfailkan pernyataan hal ehwalnya walaupun pernyataan hal ehwal itu diperlukan dari segi undang-undang difailkan dalam masa 21 hari dari tarikh perintah;

(d) walaupun perintah penerimaan telah dibuat pada 22 Mei 2001 dan perintah tersebut telah diwartakan pada 23 Jun 2001, defendan ke-11 masih lagi belum memfailkan afidavit yang mengandungi, antara lain, aset-aset prinsipalnya dan liabiliti-liabilitinya, yang mana afidavit tersebut perlu difailkan dalam masa 24 jam selepas perintah penerimaan telah diserahkan ke atasnya;

(e) kepantasan seluruh prosiding sehingga perintah penerimaan diberikan seperti yang dinyatakan dalam afidavit pertama plaintif khususnya fakta-fakta berikut:

(i) perakuan segera telah difailkan untuk mempercepatkan pendengaran petisyen pemiutang itu;

(ii) petisyen pemiutang itu telah diserahkan secara singkat selama dua hari tanpa bantahan dari defendan ke-11;

(iii) defendan ke-11 telah hadir pada pendengaran petisyen pemiutang itu dan bersetuju kepada pemberian perintah penerimaan berdasarkan suatu perbuatan kebankrapan yang mana dia telah dikatakan gagal membayar hutang sebanyak RM450,000;

(iv) hubungan rapat atau pertalian di antara Ng selaku pemiutang penghakiman dan defendan ke-11;

(f) suatu keratan akhbar bertarikh 18 September 2001 yang menunjukkan bahawa walaupun terdapat perintah penerimaan, defendan ke-11 masih memegang kedudukan sebagai pengarah urusan Sugar Bun Services Corporation Berhad dan memainkan peranan aktif di dalam syarikat tersebut;

(g) defendan ke-11 boleh terus memegang kedudukan tersebut dan memainkan peranan aktif dan luas dalam perniagaan Sugar Bun Services Corporation Berhad kerana tiada perintah penghukuman dibuat keatasnya setakat ini;

(h) dalam guaman sivil No. D2-22-794-98 yang difailkan dalam Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur dimana plaintif dalam kes itu adalah UOL Credit Sdn Bhd dan defendan pertama adalah satu Catherine Yong Yi Na dan defendan kedua adalah defendan ke-11, defendan ke-11 dalam afidavitnya bertarikh 13 November 2000 yang difailkan dalam guaman itu membuat kenyataan ia adalah pemegang saham utama dalam sebuah syarikat bernama Noziacs Sdn Bhd – ia memiliki 90% saham syarikat itu – dan seterusnya bahawa Noziacs Sdn Bhd memegang 50.85% saham Sugar Bun Services Corporation Bhd; ini menunjukkan defendan ke-11 memegang kepentingan yang banyak dalam Sugar Bun Services Corporation Berhad; walau bagaimanapun ia masih tidak boleh mematuhi notis kebankrapan untuk pembayaran jumlah RM450,000 setakat 29 Januari 2001 yang mana menyebabkan pemberian perintah penerimaan itu pada 22 Mei 2001;

(i) dalam guaman sivil No. D2-22-2650-1998 yang difailkan dalam Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur dalam mana plaintif adalah satu Mohd Nahar Noordin dan defendan adalah defendan ke-11, defendan ke-11 telah membuat pernyataan yang diikrarkan yang serupa setakat 10 Ogos 1999 dalam mana beliau mengatakan, antara lain, bahawa ia seorang yang berkemampuan dan bahawa aset-asetnya bernilai lebih daripada RM10 juta; sekali lagi ini menimbulkan keraguan atas kebenaran cakap kelakuan bahawa beliau tidak boleh menyelesaikan hutang sebanyak RM450,000.

Berdasarkan fakta-fakta di atas, deponen itu percaya defendan ke-11 telah menyalahgunakan proses undang-undang melalui guaman KK itu dan petisyen tersebut untuk mencapai matlamat yang tidak elok, iaitu, untuk:

(i) "membekukan" kesemua tindakan pemiutang-pemiutang terhadap beliau dan dengan itu memperolehi masa dan faedah dengan menyebabkan kesemua pemiutang-pemiutang melalui proses mendapatkan kebenaran meneruskan tindakan, jikalau kebenaran tersebut diberikan;

(ii) "membekukan" aset-aset yang diisytiharkan oleh beliau, bukan demi manfaat pemiutang-pemiutang, tetapi untuk menghindari pemiutang-pemiutang beliau daripada menikmati penghakiman yang mungkin diperolehi oleh mereka;

(iii) defendan ke-11 masih lagi menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaannya tanpa dihindari oleh tindakan-tindakan mahkamah atas sebab tiada perintah penghukuman dan oleh itu boleh mengekalkan bahawa beliau berhak dari segi undang-undang memegang jawatan sebagai pengarah atau pengarah urusan syarikat-syarikat konglomeratnya;

(iv) melewatkan atau memesongkan, antara lain, prosiding ini dengan mendesak plaintif:

(a) menghentikan tindakan terhadapnya;

(b) meninggalkan pemutusan tindakan ini hanya kepada PPH;

(c) merayu sekali lagi daripada sebarang keputusan PPH yang menolak tuntutan plaintif dalam kebankrapan.

Deponen itu sesungguhnya percaya bahawa dalam keseluruhan keadaan, defendan ke-11 telah menggunakan guaman KK itu dan juga petisyen tersebut yang mana ianya kelihatan elok dan betul, untuk tujuan yang salah yang mana boleh menyebabkan penyalahgunaan proses. Oleh itu adalah dinafikan bahawa perintah penerimaan tersebut adalah khususnya untuk manfaat pemiutang-pemiutang defendan ke-11 seperti didakwa.

Deponen itu kesimpulannya menegaskan mahkamah ini merupakan forum yang sesuai untuk mendengar permohonan ini. Ia juga menegaskan bahawa perintah penghukuman secara biasanya akan diberikan bersama perintah penerimaan dan bukannya pada mesyuarat pemiutang yang pertama seperti dicadangkan oleh defendan ke-11 dalam afidavitnya. Deponen itu berikutnya menyata tuntutan yang harus dibuktikan oleh plaintif terhadap defendan ke-11 ialah bahawa beliau merupakan prinsipal dan/atau benefisiari terakhir berkenaan dengan kerugian kontra yang dilakukan di dalam akaun-akaun penama-penama itu. Walaupun tuntutan plaintif terhadap defendan ke-11 adalah secara definasi suatu hutang yang boleh dibuktikan dalam kebankrapan oleh sebab, antara lain, ia merupakan tuntutan untuk jumlah yang tetap, sifat tuntutan tersebut adalah tuntutan yang tidak mudah dibuktikan dengan cara yang biasa, seperti kes hutang kontrak yang mudah. Pembuktian tuntutan tersebut memerlukan:

(a) pengemukaan keterangan yang mengaitkan defendan ke-11 dan pengawalan dalam urusniaga-urusniaga yang dilaksanakan di dalam akaun-akaun penama-penama itu;

(b) pertimbangan isu-isu undang-undang yang rumit;

(c) pertimbangan keterangan lisan defendan-defendan termasuk defendan ke-11 dalam menaksirkan tuntutan plaintif secara imbangan kebarangkalian; keterangan seperti ini tidak akan didapati dalam kebankrapan;

(d) bukti hutang, melalui afidavit dan dokumen-dokumen akan melucutkan PPH manfaat dari mendengar testimoni lisan saksi-saksi dan menghubungkan perkara yang sama kepada pelbagai dokumen dalam kes ini; penerusan perbicaraan tindakan ini akan membantu PPH membuat keputusan sama ada untuk menerima atau menolak bukti hutang plaintif.

Oleh itu, ia tidak bermakna bahawa bukti hutang plaintif yang difailkan dengan PPH boleh ditentukan dengan betul dalam kebankrapan atas sebab sifat dan kerumitannya. Deponen itu kemudiannya menarik perhatian kepada perkara-perkara berikut:

(i) plaintif tidak terikat dalam undang-undang untuk memilih atau menghadkan diri untuk sama ada memfailkan bukti hutang atau memohon kebenaran untuk meneruskan tindakan terhadap defendan ke-11 dalam membuktikan tuntutannya terhadap defendan ke-11;

(ii) oleh itu, plaintif tidak terikat untuk menunggu keputusan PPH sama ada untuk menerima atau menolak tuntutannya sebelum memohon kebenaran;

(iii) isu kos atau isu mengurangkan kos tidak mewajibkan plaintif memilih hanya satu cara membuktikan tuntutannya;

(iv) bukti hutang terpaksa difailkan untuk melindungi hutang plaintif sekiranya perintah penerimaan dibatalkan atau ditarik balik; tanpa pertimbangan tuntutan plaintif, tuntutan plaintif terhadap defendan ke-11 juga dibatalkan;

(v) walaupun pemfailan bukti hutang mungkin kelihatan tidak mahal pada awalnya, penerimaan ataupun penolakan bukti hutang tersebut akan, secara kelazimannya, mengakibatkan perbicaraan tambahan secara rayuan kepada Mahkamah Tinggi terhadap keputusan PPH; ini bermakna perkara-perkara yang pada masa ini sedang dibicarakan dalam mahkamah ini dibicarakan sekali lagi dan dengan itu akan menyebabkan kos yang banyak ke atas estet; oleh itu deponen itu percaya bahawa adalah kurang mahal dan lebih bermanfaat kepada pemiutang-pemiutang defendan ke-11 secara keseluruhannya bahawa guaman ini dihabiskan dengan cepatnya;

(vi) plaintif akan dimudaratkan oleh perbicaraan semula isu-isu ini sekali lagi pada masa hadapan kerana defendan ke-11 telahpun mendapatkan manfaat mendengar keseluruhan kes plaintif dan menemui perkara yang sama, walaupun dalam forum yang lain.

Kesimpulannya, tuntutan dalam jumlah RM143,485,26.87 bukannya sesuatu yang "tidak relevan keseluruhannya" kerana ianya menunjukkan suatu hutang yang besar dan rumit.

Kerumitan Isu-isu Undang-undang Dan Fakta

Mengenai kerumitan isu-isu undang-undang dan fakta, deponen itu sesungguhnya percaya bahawa isu yang relevan sekarang bukan sama ada PPH memahami tuntutan plaintif, tetapi sama ada kerana sifat tuntutan tersebut, ianya akan lebih cepat dan senang ditangani di penerusan perbicaraan tindakan ini. Tambahan pula, walaupun nota prosiding adalah terperinci dan jelas, PPH akan mendapatkan manfaat dalam membuat keputusan atas tuntutan plaintif setelah mahkamah mendengar kes pihak defendan. Sebarang rayuan akan menyebabkan kos tambahan dan juga akan mempunyai kesan kemudaratan seperti yang telah dibincangkan di atas. Kesan keseluruhan pertikaian defendan ke-11 dalam permohonan ini adalah bahawa perbicaraan tindakan ini harus diberhentikan dan seterusnya dimulakan di dalam mahkamah yang lain melalui suatu rayuan sekiranya PPH menolak tuntutan plaintif. Sekiranya plaintif dihalang daripada meneruskan tindakan terhadap defendan ke-11, ia akan menjadi susah untuk menaksirkan liabiliti penama-penama yang merupakan ejen-ejen defendan ke-11 kerana beliau merupakan prinsipal atau benefisiari utama yang mempunyai pengetahuan dan kawalan sepenuhnya pada semua masa yang material. Kerumitan isu-isu fakta dan undang-undang merupakan faktor-faktor material dalam memutuskan sama ada kebenaran harus diberikan ataupun tidak kepada plaintif untuk meneruskan tindakan ini terhadap defendan ke-11.

Deponen itu seterusnya mendesakkan bahawa walaupun tuntutan ini boleh dibuktikan di dalam kebankrapan hanya kerana ianya merupakan suatu tuntutan yang tertentu, ini tidak bermakna bahawa isu-isu mendalam yang harus dibuktikan dalam menyokong tuntutan ini adalah juga perkara yang mudah. Berdasarkan jangka masa yang telah digunakan oleh defendan ke-11 dalam memeriksa balas saksi-saksi plaintif sahaja, ia mestilah jelas bahawa tuntutan plaintif adalah rumit dari segi fakta dan undang-undang. Hanya kerana tuntutan plaintif jatuh di bawah definasi tuntutan yang boleh dibuktikan melalui kebankrapan tidak bermakna bahawa plaintif hanya perlu memfailkan suatu bukti hutang dan dihalang daripada memohon kebenaran untuk meneruskan tindakan terhadap defendan ke-11. Isu imbangan kesesuaian adalah diputuskan melalui pertimbangan keseluruhan keadaan dan juga sama ada dalam keadaan tersebut, perbicaraan tindakan ini harus diteruskan atau sama ada ia adalah lebih cepat dan sesuai dibicarakan di dalam kebankrapan. Keseluruhan keadaan seperti yang dibentangkan di atas memperkuatkan penerusan perbicaraan tindakan ini daripada tuntutan plaintif diputuskan dalam kebankrapan. Keadaan-keadaan itu adalah seperti berikut:

(a) isu-isu fakta yang rumit yang terbabit dalam pemastian liabiliti defendan ke-11;

(b) isu-isu undang-undang yang rumit yang terbabit dalam pemastian liabiliti defendan ke-11;

(c) perbelanjaan yang banyak yang akan ditanggung dalam pemutusan tuntutan ini semula dalam rayuan sekiranya PPH menolak bukti hutang plaintif;

(d) kesusahan dalam membuktikan hutang ini dalam kebankrapan mendasarkan isu-isu yang terdapat dalam perenggan (a) dan (b) di atas;

(e) jenis perintah yang dibuat terhadap defendan ke-11 yang merupakan hanya perintah penerimaan, tanpa perintah penghukuman;

(f) akibatnya, defendan ke-11 mempunyai kebebasan untuk meluaskan dan menjaga konglomerat perniagaannya dan aktiviti-aktiviti dengan tidak dibebani dan beliau tidak hilang pemilikan aset-asetnya tetapi mencapai keadaan terputus daripada kesemua tindakan-tindakan yang dimulakan terhadapnya;

(g) keadaan dan jumlah hutang yang dikatakan yang mengakibatkan perbuatan kebankrapan;

(h) pengaturan masa seluruh prosiding kebankrapan dan guaman KK tersebut.

Deponen itu sesungguhnya percaya bahawa cara pengendalian tuntutan plaintif terhadap defendan ke-11 yang paling cekap dan sesuai adalah untuk meneruskan perbicaraan tindakan ini. Pemiutang-pemiutang defendan ke-11 yang lain tidak akan dimudaratkan melalui penerusan perbicaraan tindakan ini. Adalah dijangkakan bahawa perbelanjaan yang lebih banyak akan diakibatkan dalam melawan isu ini sekali lagi melalui suatu rayuan terhadap keputusan PPH untuk sama ada menerima ataupun menolak bukti hutang. Adalah jelas dan nyata bahawa defendan ke-11 yang merancangkan tindakan yang dibawa terhadapnya dalam guaman KK itu dan petisyen. Prosiding-prosiding tersebut telah dibawa dengan matlamat untuk mendapatkan pemberian perintah penerimaan sahaja tetapi tiada perintah penghukuman. Oleh itu, proses mahkamah dalam petisyen itu tidak dibawa dengan matlamat ikhlas untuk menyelesaikan kebankrapan defendan ke-11, tetapi untuk tujuan kolateral, iaitu, untuk menggantungkan prosiding ini sementara defendan ke-11 meneruskan aktiviti-aktiviti perniagaannya tanpa diganggu dan memegang kesemua pemiutang-pemiutang secara jauh. Oleh itu, keadilan kes ini sememangnya mewajibkan penerusan perbicaraan tindakan ini. Defendan ke-11 diletakkan untuk membuktikan dengan ketat bahawa pemiutang-pemiutang sahnya adalah dalam keadaan yang lebih baik sekarang. Sebaliknya adalah menjadi pendirian plaintif bahawa:

(i) pemilikan aset-aset defendan ke-11 masih adalah dengannya dan tiada pemiutangnya mempunyai kebebasan untuk melaksanakannya;

(ii) dalam interimnya semua tindakan oleh pemiutang-pemiutang terhadap defendan ke-11 ditangguhkan;

(iii) defendan ke-11 walau bagaimanapun masih meneruskan pelbagai aktiviti-aktivitinya tanpa diganggu oleh tindakan pemiutang-pemiutangnya kerana tiada perintah penghukuman yang dibuat terhadapnya;

(iv) defendan ke-11 masih menikmati faedah menjauhkan tindakan pemiutang dan semua prosiding perlaksanaan dengan tiada kesukaran perintah penghukuman;

(v) meskipun perintah penerimaan dibuat pada 22 Mei 2001, tiada mesyuarat pemiutang-pemiutang telahpun dipanggil;

(vi) pemberitahuan, jika dibuat di dalam suratkhabar tempatan di Kota Kinabalu, mungkin tidak akan menyedarkan ramai pemiutang-pemiutang defendan ke-11.

Dengan itu, plaintiff meletakkan defendan ke-11 untuk membuktikan bahawa pemiutang-pemiutangnya mempunyai ataupun akan mendapat faedah daripada skim penyusunan ataupun komposisi yang dikatakan yang dicadangkan olehnya. Plaintif akan dimudaratkan sekiranya pihaknya terpaksa membuktikan tuntutannya sekali lagi melalui suatu rayuan terhadap keputusan PPH, sama ada penerimaan ataupun penolakan bukti hutang oleh kerana banyak masa dan perbelanjaan akan diakibatkan. Kemudaratan yang akan diakibatkan kepada plaintif melibatkan perkara-perkara berikut:

(a) perbicaraan ini telahpun berjalan selama 44 hari setakat ini dan semua pihak telahpun menanggung masa dan perbelanjaan yang banyak;

(b) saksi-saksi telahpun mengalami tekanan yang banyak melalui ugutan dan dakwaan yang tidak benar dan serius berkenaan perangai dan diri mereka sendiri; isu-isu ini yang telah dibangkitkan oleh defendan ke-11 tidak akan diselesaikan sekiranya perbicaraan tindakan ini tidak berjalan;

(c) plaintif akan mengalami kos yang sama dan saksi-saksi akan terpaksa melalui proses yang sama sekali lagi sekiranya pihak plaintif terpaksa merayu terhadap keputusan PPH seperti yang dapat dilihat yang digambarkan oleh defendan ke-11;

(d) akan terdapat kelewatan yang melampau yang akan diakibatkan kepada plaintif dalam tuntutannya terhadap defendan ke-11.

Berdasarkan fakta-fakta yang tercatat di atas, deponen itu sesungguhnya percaya bahawa plaintif telahpun menunjukkan bahawa terdapat keadaan-keadaan khas yang memerlukan pemberian kebenaran untuk meneruskan perbicaraan tindakan ini dan bahawa pemiutang-pemiutang defendan ke-11 tidak akan dimudaratkan melalui penerusan perbicaraan tindakan ini.

Saya telah membenarkan permohonan plaintif untuk perintah bahawa kebenaran mahkamah diberikan kepada mereka untuk meneruskan perbicaraan tindakan ini terhadap defendan ke-11 mendasarkan alasan-alasan yang berikut. Saya berpendapat bantahan tatacara yang ditimbulkan oleh defendan ke-11, iaitu, bahawa menurut Akta itu forum wajar yang sepatutnya mendengar permohonan ini adalah mahkamah yang mempunyai bidangkuasa dalam kebankrapan, iaitu, Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu, tidak mempunyai apa-apa merit. Pada bacaan saya, mahkamah ini, iaitu, Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur merupakan forum yang tepat dan sesuai untuk mendengar permohonan ini untuk kebenaranan tersebut berdasarkan mahkamah ini ada bidangkuasa di bawah peruntukan-peruntukan Akta itu berkenaan bidangkuasa kebankrapan secara am dan bukan dalam kebankrapan itu. Seksyen 8(1) Akta itu memperuntukkan apabila satu perintah penerimaan dibuat, seorang pemiutang, antara lain, tidak boleh meneruskan sesuatu tindakan atau prosiding undang-undang kecuali dengan kebenaran mahkamah dan atas terma-terma seperti dikenakan oleh mahkamah. Seksyen 2 Akta itu memperuntukkan perkataan "mahkamah" ertinya mahkamah yang mempunyai bidangkuasa dalam kebankrapan di bawah Akta itu, iaitu, "the court" ertinya "the court having jurisdiction in bankruptcy under this Act". Seksyen 88 Akta itu memperuntukkan Mahkamah Tinggi adalah mahkamah yang mempunyai bidangkuasa dalam kebankrapan di bawah Akta itu; seksyen itu berbunyi "The High Court shall be the court having jurisdiction in bankruptcy under this Act". Pada saya adalah jelas takrifan "mahkamah" yang mempunyai bidangkuasa dalam kebankrapan di bawah Akta itu adalah "Mahkamah Tinggi". Seksyen 88 Akta itu tidak mentakrifkan atau memperuntukkan "Mahkamah Tinggi" adalah mahkamah dalam mana petisyen kebankrapan itu difailkan atau merujuknya sebagai Mahkamah Tinggi yang mempunyai bidangkuasa tempatan. Oleh itu saya berpendapat Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur mempunyai bidangkuasa untuk mendengar permohonan ini untuk kebenaran di bawah s. 8 Akta itu.

Seksyen 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 memperuntukkan "Mahkamah Tinggi" ertinya Mahkamah Tinggi di Malaya dan Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak atau salah satu daripadanya, mengikut mana-mana yang dikehendaki. Seperti dibincang diatas, s. 88 Akta itu tidak mentakrifkan atau memperuntukkan "Mahkamah Tinggi" adalah mahkamah dalam mana petisyen kebankrapan itu difailkan atau merujuknya sebagai "Mahkamah Tinggi" yang mempunyai bidangkuasa tempatan. Saya bersependapat dengan hujah peguam plaintif bahawa tafsiran mahkamah yang mempunyai bidangkuasa dalam kebankrapan di bawah Akta itu apabila diberi pengertian secara lazimnya dan sepenuhnya dan diberi kesannya adalah "Mahkamah Tinggi". Saya juga bersependapat dengan hujah peguam plaintif bahawa mendasarkan demikian, mahkamah yang mempunyai bidangkuasa dalam kebankrapan hendaklah

ditafsirkan secara amnya sebagai "Mahkamah Tinggi" dan perkataan-perkataan tambahan tidak seharusnya diimpot untuk menyekat tujuannya untuk bererti Mahkamah Tinggi dimana petisyen kebankrapan itu difailkan atau Mahkamah Tinggi yang mempunyai bidangkuasa tempatan. Dalam kes *Hisham, Sobri & Kadir (suing as a firm) v. Lim Chau Seng & Anor* [1987] 2 MLJ 387, fakta kes menunjuk defendan pertama adalah seorang bankrap ("sibankrap") yang belum dilepaskan sebelum prosiding semasa ini. Plaintif dalam kes itu telah memperolehi perintah mahkamah terhadap sibankrap itu dalam satu tindakan dan berikutnya telah mengeluarkan prosiding komital terhadap sibankrap selepas adjudikasinya sebagai seorang bankrap. Sibankrap telah menimbulkan beberapa bantahan terhadap prosiding komital itu yang termasuk, antara lain, alasan bahawa kebenaran mahkamah perlu diperolehi di bawah s. 8(1) Akta itu. Dalam penghakimannya, Mohamed Zaidin H (Yang Amat Ariff pada masa itu) menimbang s. 8(1) Akta itu dan memutuskan peruntukkan itu tidak terpakai kepada fakta kes. Hakim yang bijaksana itu seterusnya menimbang s. 10(2) Akta itu yang memperuntukkan seperti berikut:

> The court may at any time after the presentation of a bankruptcy petition stay any action, execution or other legal process against the property or person of the debtor.

Dalam penghakimannya hakim yang bijaksana itu berkata (di ms 388):

> Assuming that sub-section 10(2) applies in the present proceeding, there is no such application for stay before me and until such a stay is ordered the proceeding will continue.

Apa yang jelas di sini ialah hakim yang bijaksana itu, dalam mentafsirkan perkataan "mahkamah" dalam s. 10(2) Akta itu, berpendapat bahawa mahkamah dalam mana tindakan semasa ini telah dibawa boleh mengendalikan permohonan untuk penggantungan tindakan, perlaksanaan atau mana-mana proses undang-undang terhadap harta atau diri penghutang. Dalam perkataan lain, adalah tidak perlu untuk memohon kepada mahkamah dalam mana petisyen kebankrapan itu telah difailkan untuk mengendalikan permohonan untuk penggantungan tindakan dan sebagainya.

Dalam membuat rujukan kepada kes *Hisham, Sobri & Kadir (suing as a firm) v. Lim Chau Seng & Anor, supra*, peguam plaintif berhujah memandangkan permohonan untuk penggantungan di bawah s. 10(2) Akta itu boleh dikendalikan dan diselesaikan oleh mahkamah dalam mana tindakan itu masih sedang dibicarakan, ini bererti "mahkamah" dalam s. 8 Akta itu seharusnya merujuk kepada atau termasuk mahkamah dalam mana tindakan masih sedang dibicarakan; ianya tidak seharusnya disekatkan atau dihadkan kepada mahkamah dalam mana petisyen kebankrapan itu difailkan. Memandangkan mahkamah dalam mana tindakan itu sedang dibicarakan boleh mengendalikan

permohonan untuk penggantungan, saya berpendapat adalah mustahil dan tidak tepat dan tidak wajar jika mahkamah yang sama itu dikatakan tidak mempunyai budi bicara atau kuasa untuk mengendalikan permohonan untuk kebenaran bagi meneruskan tindakan menuruti s. 8(1) Akta itu. Saya sedar bahawa ada dua Mahkamah Tinggi dalam negara ini yang mempunyai bidangkuasa wilayah yang berlainan dan oleh itu Mahkamah Tinggi ini di Kuala Lumpur tidak boleh menyangkakan bidangkuasa ke atas prosiding kebankrapan itu. Hanya Mahkamah Tinggi di Kota Kinabalu mempunyai bidangkuasa ke atas prosiding kebankrapan itu. Akan tetapi Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur ini dengan jelas mempunyai bidangkuasa untuk mendengar permohonan untuk kebenaran tersebut dan merupakan forum yang tepat dan sesuai bagi mengendalikannya. Prosiding yang dikendalikan oleh Mahkamah Tinggi ini adalah mengenai mendapatkan hutang akibat kerugian kontra dan tidak berkaitan dengan kebankrapan. Permohonan untuk mendapatkan kebenaran tersebut bukanlah untuk meneruskan dengan atau dalam prosiding kebankrapan itu dalam Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu. Kebenaran mahkamah yang dipohon adalah untuk meneruskan dengan perbicaraan tindakan sivil ini di Mahkamah Tinggi, Kualal Lumpur. Permohonan di hadapan saya ini tidak dibuat dalam prosiding kebankrapan itu atau bukan menjadi sebahagian prosiding kebankrapan itu. Oleh itu tidak wujudnya keperluan untuk membuat permohonan bagi kebenaran ini secara spesifik dalam prosiding kebankrapan itu. Tindakan dihadapan saya ini adalah satu guaman sivil dalam Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur dalam mana permohonan untuk kebenaran itu telah dibuat. Saya tidak dapat lihat bagaimana Mahkamah Tinggi di Kota Kinabalu boleh dikatakan mempunyai bidangkuasa ke atas perkara ini memandangkan mahkamah itu terhad kepada peruntukan-peruntukan mengenai bidangkuasa wilayahnya kepada perkara-perkara atau pertikaian-pertikaian yang bangkit dalam wilayahnya. Setiap kedua Mahkamah Tinggi dalam negara mempunyai bidangkuasa ke atas perkara-perkara atau pertikaian-pertikaian yang bangkit dalam wilayahnya. Pertikaian dalam kes ini adalah mengenai prosiding ini dan bukan mengenai petisyen kebankrapan yang difailkan di Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu di bawah mana perintah penerimaan itu telah dibuat. Mahkamah ini adalah mahkamah yang mempunyai bidangkuasa ke atas guaman sivil ini dan keatas semua prosiding atau permohonan yang belum selesai atau menunggu keputusan. Perbicaraan tindakan ini, setakat ini, telah berterusan selama 44 hari dan keterangan yang berjilid-jilid telah dikemukakan dan oleh itu mahkamah ini sedar sepenuhnya dengan fakta kes. Mahkamah Tinggi di Kota Kinabalu tidak ada faedah itu.

Dalam menyusul permohonan ini untuk kebenaran, peguam plaintif menarik perhatian bahawa pengeluaran perintah penerimaan itu tanpa perintah penghukuman tidak membawa apa-apa kesan ke atas perjalanan perniagaan atau kepentingan defendan ke-11. Peguam seterusnya menjelaskan dalam afidavit

pihak plaintif, mereka telah menggambarkan defendan ke-11 bebas meneruskan perjalanan perniagaannya atau kepentingannya. Di bawah keadaan sedemikian, mahkamah ini adalah mahkamah yang sepatutnya mempunyai bidangkuasa untuk mengendalikan permohonan ini. Mahkamah ini adalah forum yang tepat untuk menyelesaikan permohonan ini oleh kerana mahkamah ini berpengetahuan tentang kesemua fakta-fakta kes ini dan oleh itu berada dalam kedudukan lebih baik untuk memutuskan sama ada kebenaran sepatutnya di beri atau sebaliknya berdasarkan sifat dasar kes dan perjalanannya setakat ini. Tambahan pula, kebenaran yang diberi oleh mahkamah ini tidak akan memprejudiskan defendan ke-11 ataupun pemiutang-pemiutangnya kerana PPH mempunyai pengetahuan tentang perkara-perkara yang sedang berlaku. Saya bersependapat dengan pendirian ini. Pada saya, adalah tidak tepat dan berpatutan jika Mahkamah Tinggi di Kota Kinabalu mendengar permohonan ini kerana pertikaian ini, iaitu, suatu tuntutan bagi kerugian kontra di Kuala Lumpur dan bukan suatu pertikaian dalam prosiding kebankrapan di Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu, timbul diluar bidangkuasa wilayahnya. Plaintif tidak memohon kebenaran untuk meneruskan dengan tindakan kebankrapan di Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu itu atau menuntut untuk memulakan prosiding kebankrapan terhadap defendan ke-11. Apa pihak plaintif sedang melakukan disini adalah untuk memohon kebenaran Mahkamah bagi meneruskan perbicaraan tindakan ini dalam Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur. Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur telah dengan tepatnya mengirakan tindakan ini jatuh di bawah bidangkuasa tempatannya. Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu sudah tentu tidak akan sekarangnya mengirakan tindakan ini jatuh di bawah bidangkuasa tempatannya.

Pemberian kebenaran ini bagi meneruskan tindakan ini terhadap defendan ke-11 bererti perbicaraan tindakan ini dapat diteruskan bersama-sama tuntutan terhadap defendan-defendan yang lain. Jika tuntutan plaintif dibiarkan untuk dibuktikan dalam kebankrapan, ini bermakna bukti hutang plaintif akan ditaksirkan dan seterusnya diterima atau ditolak. Dalam mana-mana keadaan yang berlaku, adalah terbuka kepada defendan ke-11 atau plaintif untuk merayu terhadap keputusan PPH kepada Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu. Dalam keadaan adanya rayuan, asas keseluruhan tuntutan plaintif hendaklah dibuktikan sekali lagi dari asalnya. Kesannya adalah plaintif akan diperlukan mengulangi litigasi ke atas keseluruhan tuntutannya di peringkat rayuan pula melalui keterangan afidavit dan soal-balas.

Tuntutan plaintif bagi kerugian kontra yang ditanggung akibat defendan ke-11 menjalankan urusniaga yang melibatkan saham NBT adalah untuk jumlah RM143,485,266.87. Jumlah ini adalah amaun yang besar. Plaintiff dikehendaki menunjukkan defendan ke-11 adalah benefisiari terakhir/prinsipal bagi semua akaun-akaun penama-penama itu dan bahawa ia menjalankan dan mengawal

kesemua akaun-akaun itu pada semua masa yang material. Defendan ke-11 menafikan ia ada kaitan atau terlibat dalam urusniaga saham-saham NBT itu yang mengakibatkan kerugian kontra itu. Saya bersetuju dengan hujah peguam plaintif bahawa pertikaian ini tidak merupakan satu perkara yang mudah dibuktikan atau diasaskan dengan meneliti dokumen-dokumen sahaja. Untuk membuktikan atau mengasaskan tuntutan plaintif, keterangan lisan perlu dikemukakan dan dinilaikan dengan keterangan dokumentari berjilid-jilid yang telah dikemukakan setakat ini. Masa yang telah diambil dalam menyoal-balas saksi-saksi menunjukkan kes ini melibatkan isu-isu yang sukar diterangkan. Isu-isu undang-undang yang timbul dalam kes ini juga tidak begitu mudah dan melibatkan pertimbangan undang-undang mengenai prinsipal dan egen, liabiliti bersama dan berasingan, "lifting of corporate veils", dll. Kesimpulannya tuntutan plaintif bukanlah suatu tuntutan terus-terang dalam kontrak yang mudah dikendalikan dalam kebankrapan.

Saya berpendapat hakikatnya adalah amat sukar bagi PPH mengadili tuntutan plaintif. Dalam mengadili tuntutan oleh seorang pemiutang dalam kebankrapan, PPH akan terhad kepada penelitian keterangan dokumentari. Akta itu dan peraturan-peraturan yang dibuat dibawahnya tidak memperuntukkan PPH untuk menjalani satu siasatan yang terperinci secara halus ke atas suatu tuntutan yang kompleks dibandingkan dengan mahkamah-mahkamah. Apa lagi, perbicaraan tindakan ini telah memakan tempoh masa selama 44 hari setakat ini. PPH tidak akan dapat faedah mendengar kes defendan-defendan kerana keterangan yang dikemukakan setakat ini hanya berkenaan dengan kes plaintif sahaja. Tugas PPH dalam mengadili tuntutan plaintif adalah untuk memahami apa yang telah dikumpulkan oleh mahkamah selama 44 hari dalam bentuk nota prosiding, keterangan dokumentari dan keterangan dalam bentuk pita dan bagaimana keterangan ini bersesuaian bersama-sama tanpa faedah mendengar saksi-saksi yang berkenaan. Berikutnya tanpa faedah keterangan lain selain daripada penafian-penafian defendan ke-11, PPH dikehendaki membuat keputusan. Sifat dasar tuntutan plaintif adalah sangat kompleks untuk diadili dalam kebankrapan dan dalam kepentingan keadilan, saya telah memberi kebenaran untuk perbicaraan tindakan ini diteruskan terhadap defendan ke-11. Saya berpendapat imbangan kesesuaian bersandar kepada penerusan tuntutan plaintif di dalam perbicaraan tindakan ini.

Peguam plaintif mendesak adalah besar kemungkinan, berasaskan butir-butir carian di Pejabat Pendaftar Syarikat yang dikemukakan melalui afidavit pihak plaintif dalam permohonan ini bahawa transaksi penjualan dan pembelian 50,000 saham Destam daripada Ng kepada defendan ke-11 adalah satu rekaan atau tidak *bona fide*. Pada bacaan saya butir-butir carian itu menunjukkan Ng memegang 50,000 saham Destam sehingga Oktober 1993. Dalam tahun itu ia telah menjual 50,000 saham itu kepada Pius Lee tersebut dan berikutnya tidak

lagi menjadi seorang pemegang saham Destam. Jika ia telah menjual sahamnya kepada Pius Lee dan bukan kepada defendan ke-11, Ng tidak lagi merupakan seorang pemegang saham dalam tahun itu dan oleh itu soalan yang timbul adalah apakah transaksi penjualan dan pembelian saham Destam yang menjadi punca guaman KK itu? Dalam afidavitnya mengenai isu ini, defendan ke-11 tidak mematahkan atau menjelaskan perkara ini dan hanya membuat penafian tersahaja. Berkenaan penafian tersahaja itu, peguam plaintif berhujah mahkamah boleh membuat inferens bahawa tuntutan yang dikemukakan oleh Ng terhadap defendan ke-11 merupakan satu tuntutan rekaan dan telah ditujukan untuk menghindarkan pemiutang-pemiutang defendan ke-11 daripada menikmati apa-apa penghakiman yang mereka mungkin memperolehi terhadapnya.

Efek perintah penerimaan itu bukanlah untuk melucutkan defendan ke-11 dari mana-mana asetnya atau keupayaannya. Perintah penerimaan itu hanya membuat PPH menjadi penerima interim ke atas asetnya. Oleh yang demikian, defendan ke-11 bebas untuk mengendalikan semua perniagaan dan hal-ehwalnya dan beliau hanya ditanggunjawab untuk menyerah keuntungan dan akaun-akaunnya kepada PPH. Ini bererti defendan ke-11 berada dalam kedudukan yang senang sebab tiada seorang diantara pemiutangnya boleh melaksanakan apa-apa tindakan terhadapnya tanpa kebenaran mahkamah.

Dalam menentang permohonan ini, defendan ke-11, antara lain, ada bertikai:

(i) kebenaran tidak seharusnya diberi dan plaintif sepatutnya mencuba nasibnya dalam kebankrapan kerana PPH berada dalam keadaan yang wajar untuk mengadili tuntutan plaintif;

(ii) plaintif boleh membawa keputusan PPH kepada mahkamah sekiranya ia tidak berpuas hati;

(iii) plaintif diestop daripada berdua-duanya memfail bukti hutang dan memohon kebenaran mahkamah untuk meneruskan perbicaraan tindakan ini.

Mengenai perkara (i) di atas, saya bersependapat dengan hujah peguam plaintif bahawa tindakan ini melibatkan fakta-fakta dan isu undang-undang yang kompleks yang mana diakui oleh defendan ke-11. Memandangkan setakat ini perbicaraan tindakan ini telah mengambil masa yang begitu lama dan juga usaha dan tenaga kesemua pihak yang terlibat, adalah tidak mungkin bahawa PPH dengan daya yang terhad dan dengan tiadanya keterangan lisan akan berupaya untuk mengukuhkan atau dengan mudah membuat keputusan.

Mengenai perkara (ii) di atas, telahpun dibincangkan di atas bahawa untuk membawa keputusan PPH kepada mahkamah akan mengakibatkan litigasi semula walhal perbicaraan tindakan ini sedang dijalankan di mahkamah ini. Ini adalah berlawanan dengan keadilan kes.

Mengenai isu (iii) di atas, tidak ada peruntukkan yang menghindarkan plaintif daripada memfail bukti hutang dan membuat permohonan untuk kebenaran bagi meneruskan tindakan yang sedang dibicarakan. Pihak plaintif telahpun menjelaskan dalam afidavit mereka bahawa pihaknya perlu mengambil langkah berhati-hati kerana jika defendan ke-11 memperolehi pelepasan, tuntutan plaintif boleh juga dilepaskan berasaskan pihaknya tidak memfail bukti hutang.

Kesimpulannya saya berpendapat plaintif adalah pihak yang akan diprejudiskan jika mereka diberhentikan di pertengahan jalan semasa mendakwa tuntutannya. Mendasarkan apa yang telah dibincang di atas, adalah menjadi dapatan saya bahawa pihak plaintif telah mengasaskan satu kes *prima facie* untuk kebenaran diberi seperti dipohon.